

Polis minta saksi kejadian tampil bantu siasatan kes

Gadis mangsa ragut parah jatuh motosikal

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Seorang gadis berusia 25 tahun cedera parah akibat terjatuh dari motosikal selepas beg miliknya diragut seorang penunggang motosikal lain dalam kejadian di hadapan bazar Ramadan Jalan Kuala Sungai di Alor Jangus di sini semalam.

Kejadian kira-kira pukul 1 petang itu berlaku ketika mangsa, Nor Ruzanna Shamsudin dalam perjalanan ke tempat kerjanya di pasar raya besar Tesco di Mergong di sini.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisyoner Mohd. Rozi Jidin memberitahu, kejadian berlaku apabila seorang lelaki yang menunggang sebuah motosikal yang tidak

dapat dikenal pasti menunggang menghampiri motosikal mangsa sebelum meragut beg milik gadis itu.

“Akibat kejadian itu, mangsa gagal untuk mengawal motosikal menyebabkan dia terjatuh dan mengalami kecederaan pada kepala, luka dan bengkak pada muka serta luka pada tangan dan kaki.

“Mangsa yang cedera kemudian ditemui pengguna jalan raya terbaring menahan kesakitan sebelum orang ramai bertindak menghubungi ambulans dan polis,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mangsa kemudiannya dikejarkan ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini dan keadaannya dilaporkan stabil.

Mohd. Rozi berkata, suspek diper-

cayai melarikan diri sejurus kejadian dan polis sedang menyiasat jumlah kerugian yang dialami mangsa.

“Tiada rakaman sistem televisyen litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian dan tiada saksi yang tampil memberi maklumat setakat ini,” ujarnya.

Justeru, beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu dapat tampil membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan kerana kesalahannya meragut.

MANGSA cedera parah selepas begnya diragut seorang penunggang motosikal di hadapan bazar Ramadan Jalan Kuala Sungai, Alor Setar semalam.



Kosmo
30/6/16
mls 17

